

27 April 2015

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Ulangan Persijilan RSPO Bagi Sime Darby Plantation Sdn Bhd, Kilang Kelapa Sawit Sungai Dingin – Padang Serai, Malaysia

Sime Darby Plantation Sdn Bhd (RSPO Membership No: 1-0008-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian ulangan persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Sungai Dingin dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 7 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Padang Serai, Kedah, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan ulangan Kilang Kelapa Sawit Sungai Dingin pada 9 – 12hb. Jun 2015. Penilaian ulangan akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014, dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: 21 November 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Sungai Dingin dan Ladang - Ladang	
Nama kilang	Sungai Dingin Palm Oil Mill
Kapasiti Kilang	80 mt/jam
Alamat	Sungai Dingin, 09400 Padang Serai, Kedah, Malaysia.
Rujukan GPS	100° 40' 0" E ; 5° 24' 0" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2015) (MT)	79,867 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2015) (MT)	19,767 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2015) (MT)	344,878 mt

Ladang	Rujukan GPS		Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2015 (MT)
	Longitud	Latitud				
Sungai Dingin	100° 39' 28.5" E	5° 14' 27.9" N	2,997.38	466.43	4,251.67	55,385
Padang Buluh	100° 34' 24.5" E	5° 34' 25.4" N	2,968.00	483.00	4,013.50	80,071
Bkt Selarong	100° 35' 52.4" E	5° 28' 45.9" N	3,467.00	377.00	4,387.49	86,376
Anak Kulim	100° 35' 54.5" E	5° 18' 19.7" N	965.00	0	1,512.29	19,103
Bukit Hijau	100° 45' 25.0" E	5° 33' 04.0" N	2,151.45	0	2,829.10	46,609
Jentayu	100° 43' 34.6" E	5° 07' 24.0" N	1,853.75	0	2,177.86	45,224
Somme	100° 36' 14.3" E	5° 15' 11.8" N	586.92	189.04	942.30	12,110
TOTAL			14,989.50	1515.47	20,114.21	344,878

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSi adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang mempunyai pejabat yang telah di akreditasi untuk persijilan RSPO di Jakarta dan pejabat urusan di Singapura, Kuala Lumpur dan Bangkok.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit ulangan di Kilang Kelapa Sawit Sungai Dingin dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

Mr. Mohamed Hidhir Bin Zainal Abidin sebagai ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Kilang Kelapa Sawit, Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Alam Sekitar, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja); **Mr. Muhd Haris Abdullah** sebagai juruaudit (Sosial, Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran, Temuduga Pekerja, Aspek Undang-Undang dan pengurusan HCV); **Mr. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Sosial, Aspek Undang-Undang dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja).

Sebagai persediaan untuk proses ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima pada atau sebelum 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

RSPO Scheme Manager

Senniah Appalamy
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
B-08-01(East), Level 8,
Block B, PJ8, No. 23
Jalan Barat, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Fax: +603-7960 5801
Email: senniah.appalamy@bsigroup.com

DAN/ATAU**Auditee:**

Puan Sabarinah Marzuky
Head-In Charge, RSPO & Certification Unit,
Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.
No.2 Plantation Tower, Jalan PJU 1A/7,
47301 Ara Damansara, Selangor, Malaysia.
Fax : +603-7848 4363
Email : sabarinah.marzuky@sime-darby.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Senniah Appalamy
RSPO Scheme Manager